

Sindiket seludup, edar ganja RM2.12 juta masuk jerat

GEORGE TOWN – Polis berjaya menumpaskan satu sindiket penyeludupan dadah dan merampas ganja seberat 840 kilogram (kg) bernilai RM2.12 juta selepas menahan lapan lelaki termasuk dua warga Thailand.

Penahanan ke atas suspek berusia antara 35 hingga 59 tahun itu dilakukan dalam dua serbuan di Sungai Bakap dan Nibong Tebal dekat sini antara pukul 10.50 malam hingga 1 pagi pada Jumaat dan Sabtu lalu.

Operasi tersebut dijalankan sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dengan kerjasama JSJN, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri.

Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, serbuan pertama dilakukan di sebuah kawasan perumahan di Sungai Bakap di sini.

Katanya, ketika serbuan itu, tujuh daripadanya sedang memunggah ganja berkenaan dari sebuah lori, manakala seorang lagi ditahan di sebuah rumah di Simpang Ampat di sini.

“Menerusi serbuan yang dijalankan, polis berjaya merampas sejumlah dadah jenis ganja dengan anggaran berat 840 kilogram yang dianggarkan bernilai



AYOB KHAN (dua dari kiri) menunjukkan ketulan mampat ganja yang dirampas dalam dua serbuan di IPK Pulau Pinang, George Town semalam.

RM2.12 juta.

“Sindiket ini dipercayai mula aktif sejak hujung 2021 dan jika jumlah dadah yang dirampas terlepas ke pasaran, ia boleh digunakan kira-kira 1.68 juta penagih,” katanya pada sidang akhbar IPK Pulau Pinang di sini semalam.

Ayob Khan berkata, modulus operandi sindiket ini adalah dengan menyeludup masuk dadah ganja dari selatan Thailand melalui jalan laut.

“Ganja berkenaan dibawa masuk menggunakan bot sebe-

lum diseludup masuk menggunakan lori dan diedarkan ke pasaran tempatan,” ujarnya.

Beliau memberitahu, hasil ujian urin mendapati empat daripada mereka positif dadah jenis THC, manakala seorang lagi positif morfin.

“Lima daripada suspek terbabit mempunyai rekod berkaitan jenayah dan dadah,” ujarnya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan kesemua suspek di reman tujuh hari bagi bantu siasatan.